

16 JUN 1998

Mahathir-MSK

DR MAHATHIR LAWAT IBU PEJABAT MSC DI CYBERJAYA

CYBERJAYA, 16 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melawat ibu pejabat Koridor Raya Multimedia (MSC) di Cyberjaya, bandaraya multimedia teknologi tinggi Malaysia di pinggir Ibu Negara.

Beliau menghadiri taklimat mengenai pembangunan Cyberjaya oleh Pengerusi Cyberview Sdn Bhd Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah dan Jawatankuasa Pelaksanaan Bagi Sokongan Infrastruktur MCS.

Perdana Menteri juga dijangka menyaksikan upacara menandatangani tiga perjanjian di Cyberview Lodge, yang terletak di tengah-tengah Cyberjaya, kira-kira 40km ke selatan Kuala Lumpur.

Perjanjian itu ialah mengenai Pembangunan Infrastruktur Telekomunikasi antara Cyberview Sdn Bhd dan Telekom Malaysia Berhad, perjanjian jual beli antara Cyberview dan pihak pelabur serta perjanjian usahasama antara Seseni Energy Services Sdn Bhd dan Tenaga SPL Sdn Bhd, sebuah konsortium bagi pembangunan sistem penyamanan di Cyberjaya.

Dr Mahathir juga dijadual melawat kawasan tapak pembinaan Universiti (MMU) sebelum mengakhiri lawatannya.

MMU yang akan diuruskan oleh Telekom Malaysia dijangka mengambil kumpulan pertama pelajarinya pada September tahun ini.

Cyberjaya, komponen teras bagi MSC meliputi kawasan seluas 2,800 hektar dan dibangunkan mengikut konsep mesra alam. Ia terletak lima kilometer ke utara Dengkil di tepi jalan ke arah Puchong.

Bersebelahan dengan bandaraya itu ialah Putrajaya, pusat pentadbiran kerajaan persekutuan yang meliputi kawasan 7,000 hektar.

Antara yang turut hadir ialah Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Besar Selangor Datuk Abu Hassan Omar.

-- BERNAMA

ES NMO